

PROGRAM BINA INSAN GURU



Program Bina Insan Guru (BIG) 2010 merupakan satu program yang julung kali diadakan untuk pelajar Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah (DPLI) ambilan Julai 2009. Peserta seramai 73 orang daripada dua opsyen iaitu sejarah dan geografi. Program BIG ini merupakan satu program yang wajib dihadiri dan dilaksanakan oleh peserta kerana menjadi satu syarat kelayakan bagi dianugerahkan Diploma Pendidikan. Para pensyarah yang terlibat sebagai urus setia, penceramah, dan fasilitator ialah En. Mohd Sobri Ismail (Ketua), Mejari (B) PM Dr. Hamzah Md. Omar, YM En. Raja Ismail Raja Lope Ahmad, En. Muhamad Suhaimi Taat, En. Mohd Khairuddin Abdullah, Dr. Sabariah Sharif, Cik Dg Norizah Ag Kiflee, dan En. Mohd Azrey Matdarin. Objektif utama program BIG adalah untuk membentuk watak insan guru yang sebenar, dan meningkatkan serta memantapkan keupayaan mental, fizikal dan emosi mereka sebagai bakal pendidik yang sememangnya akan menghadapi pelbagai cabaran di sekolah tempat mereka bertugas kelak. Untuk

mencapai objektif atau matlamat tersebut, beberapa aktiviti seperti Latihan Dalam Kumpulan (LDK), sesi ceramah/kuliah dan aktiviti luar yang agak lasak telah mereka lalui sepanjang tempoh program selama 4 hari dan 3 malam.

Lokasi program iaitu di Borneo Paradise Resort adalah sesuai kerana terletak menghadap Laut Cina Selatan dan agak jauh dari hiruk pikuk kota metropolitan. Malah, tidak terdapat gangguan daripada pengunjung lain kerana kurangnya pengunjung luar yang menginap di situ. Keselamatan para peserta dan fasilitator juga terjamin kerana kawalan 24 jam yang dilaksanakan oleh pihak resort. Malah, tempat penginapan yang selesa dan kelengkapan-kelengkapan lain, serta aktiviti-aktiviti yang ditawarkan dengan harga yang berpatutan juga menjadikan lokasi tersebut amat sesuai dengan program seumpama ini.

Pada hari pertama, kesemua peserta telah mendaftarkan diri pada waktu yang telah ditetapkan. Setelah itu, aktiviti 'ice breaking'

dan taklimat telah diadakan. Walaupun kebanyakan peserta kelihatan masih letih kerana baru tiba dari kampung masing-masing, namun mereka nampak bersemangat dan teruja dengan aktiviti-aktiviti yang akan mereka lalui di sepanjang program ini. Pada malamnya, peserta muslim menunaikan solat maghrib secara berjamaah. Setelah itu, kuliah pertama bertajuk 'Kenali Diri Anda' telah disampaikan oleh En. Muhamad Suhaimi Taat. Lebih kurang pada jam 10 malam, dekan SPPS PM Dr. Mohd Yusof Abdullah telah tiba dan seterusnya menyampaikan amanat dan juga merasmikan program BIG DPLI SPPS 2010.

Pada hari kedua, peserta bangun seawal jam 4.30 pagi lagi. Ini adalah kerana semua peserta muslim menunaikan solat Subuh berjamaah pada jam 4.50 pagi. Setelah itu kuliah kedua bermula pada jam 5.15 pagi disampaikan oleh En. Muhamad Suhaimi Taat bertajuk 'Sahsiah Guru'. Pada jam 6.15 pagi pula sesi riadah telah dilaksanakan diketuai oleh YM En. Raja Ismail Raja Lope Ahmad. Pada jam 8.00 pagi sehingga galah tengah hari, aktiviti 'Larian Komando' telah dijalankan dengan dibantu oleh jurulatih-jurulatih dari Borneo Paradise Resort. Pada jam 2 petang, para peserta menjalani aktiviti 'team building' juga dikendalikan oleh jurulatih berpengalaman dari resort. Seperti biasa, para peserta muslim menunaikan solat maghrib berjamaah di dewan. Setelah itu pada jam 7 malam, kuliah ketiga bertajuk 'Insan Guru' telah disampaikan oleh En. Mohd Khairuddin Abdullah. Pada jam 8.30 malam pula, sesi LDK kedua telah dilaksanakan dengan dibantu oleh para fasilitator.

Pada hari ketiga, seperti hari sebelumnya, peserta bangun seawal jam 4.30 pagi lagi. Semua peserta muslim menunaikan solat





Subuh berjamaah pada jam 4.50 pagi, walaupun terdapat beberapa orang peserta yang lewat. Setelah itu kuliah keempat bermula pada jam 5.15 pagi disampaikan oleh En. Mohd Sobri Ismail bertajuk 'Guru dan Masyarakat'. Pada jam 6.15 pagi pula sesi riadah telah dilaksanakan diketuai oleh YM En. Raja Ismail Raja Lope. Pada jam 8.00 pagi sehinggalah tengah hari, aktiviti 'Berakit' telah dijalankan dengan dibantu oleh jurulatih-jurulatih dari Borneo Paradise Resort. Para peserta dikehendaki berakit menuju ke pulau berhampiran. Pada jam 2 petang, sekali lagi para peserta menjalani aktiviti 'team buliding', juga dikendalikan oleh jurulatih berpengalaman dari resort. Seperti biasa, para peserta muslim menunaikan solat maghrib berjamaah di dewan. Setelah itu pada jam 7 malam, kuliah kelima bertajuk 'Sekolahku Syurgaku' telah disampaikan oleh Dr. Sabariah Sharif. Pada jam 8.30 malam pula, para peserta melaksanakan aktiviti ketiga iaitu 'Kembara Malam' dengan diketuai dan dibantu oleh jurulatih, staf resort dan orang kampung sendiri. Para peserta terpaksa melalui jalan kampung, denai dan laluan pantai yang agak sukar apatah lagi di malam hari.

Pada hari terakhir, setelah solat subuh, kuliah terakhir telah disampaikan oleh Mejar (B) PM Dr Hamzah Omar bertajuk 'Insafi Diri/Refleksi Kendiri'. Setelah itu kesemua peserta melakukan senaman pagi atau riadah yang dikendalikan oleh YM En. Raja Ismail Raja Lope. Pada jam 8 pagi kesemua peserta melaksanakan aktiviti LDK yang dikendalikan oleh fasilitator dan dibantu oleh jurulatih resort. Pada jam 11.00 pagi aktiviti terakhir iaitu sesi refleksi telah dilaksanakan di dewan. Para peserta dikehendaki membentangkan refleksi mereka mengikut kumpulan dan mengisi borang refleksi kendiri secara individu. Setelah itu, penutupan program atau kem secara rasminya telah dilaksanakan oleh ketua urus setia, En. Mohd Sobri Ismail. Kesemua peserta 'check out' pada jam 2.00 petang.

Kesimpulannya, walaupun terdapat beberapa kelemahan dan kekangan khususnya masa persediaan sebelum program bermula, dan tenaga pensyarah yang agak terbatas, program Bina Insan Guru DPLI 2010 ini telah berjalan dengan jayanya dan telah mencapai objektif yang disasarkan. Adalah diharapkan program seperti ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang agar bakal guru yang akan dilahirkan nanti dapat menepati watak insan guru sebenar selaras dengan aspirasi negara kita.